# PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT 2016 - 2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



RINGKASAN EKSEKUTIF

# ISI KANDUNGAN

muka surat i-x

- Isi Kandungan
- Kata - Kata Aluan
- Penghargaan
- Terminologi

muka surat 1

## 01 PENGENALAN

- Visi, Misi, Teras Strategik & Moto PSTM 2016-2020
- Objektif Pejabat SUK Selangor, BTM & PSTM 2016-2020
- Strategi Pengukuhan di Peringkat PD, PBT, SUK dan Badan Berkanun
- Agensi Terlibat
- *Stakeholder* & Pelanggan
- Skop Projek PSTM 2016-2020

muka surat 11

## 02 METODOLOGI

- Metodologi Pendekatan Kajian
- Organisasi Yang Terlibat Dalam Tinjauan Dokumen
- Taburan Responden Kajian Temubual
- Organisasi Yang Terlibat Dalam Kaji Selidik Keperluan

## 03
## ANALISIS PENEMUAN

- Hasrat Pembuat Dasar dan Pegawai Tertinggi SUK Selari Dengan Kehendak Rakyat
- Cabaran Pelaksanaan PSTM 2016 - 2020
- Sistem-Sistem Sedia Ada Yang Tiada Pengintegrasian
- Rangka Kerja Tadbir Urus TMK Negeri Selangor

muka surat 15

## 05 PENUTUP

muka surat 42

muka surat 23

## 04
## PELAN PELAKSANAAN PSTM 2016-2020

- Asas Cadangan PSTM 2016-2020
- Konsep Cadangan PSTM 2016-2020
- Penjajaran Teras, Strategi, dan Projek
- Cadangan Pelan Tindakan
- Projek Cadangan PSTM 2016-2020
- Integrasi Secara Menyeluruh

# KATA - KATA ALUAN

# KATA ALUAN

## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR




**Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2016-2020 (PSTM 2016-2020).Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Bagi Kerajaan Selangor 2011-2015 telah dikaji semula dan PSTM 2016-2020 merupakan pembaharuan yang dibuat ke arah matlamat kerajaan negeri dalam memastikan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mendapat pulangan yang lebih memuaskan dan sejajar dengan inisiatif #*SmartSelangor*.

Laporan PSTM 2016-2020 ini merumuskan dasar-dasar strategik yang akan dilaksanakan selama lima (5) tahun merupakan kesinambungan ke arah perkhidmatan digital dalam perkhidmatan awam di Negeri Selangor. Teras-teras strategik yang telah dibangunkan telah mengambil kira aspek modal insan, tadbir urus, pengukuhan ekonomi, dan keberkesanan proses kerja yang merupakan elemen-elemen penting ke arah pembangunan ekosistem yang menyeluruh untuk menyokong #*SmartSelangor*.

Melalui dokumen PSTM ini, saya berharap hala tuju pembangunan TMK Negeri Selangor yang merangkumi Pejabat SUK Selangor, jabatan-jabatan dan agensi di bawah tanggungjawabnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya berharap agar semua pihak menyokong sepenuhnya PSTM 2016-2020 dalam memacu pelaksanaan TMK di Negeri Selangor.

Sekian. Terima Kasih.

...............................................................

**Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya**

**D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K**

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

# KATA ALUAN

## TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

**Dato' Mazalan Bin Md Noor**



Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2016-2020 (PSTM 2016-2020) dan memberikan ruang untuk merakam sepatah dua kata dalam buku ini.

Penggunaan teknologi pintar adalah keperluan yang besar untuk perkhidmatan awam pada hari ini. Dalam era globalisasi ini, teknologi semasa dengan sokongan jalur lebar berupaya memacu kemajuan dalam peningkatan ekonomi terutama dalam bidang pendidikan, kesihatan, kesejahteraan kehidupan dan perniagaan. Ia juga berupaya mewujudkan pekerjaan baru serta peluang sosio ekonomi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap untuk rakyat. Keutamaan yang tinggi juga akan diberikan dalam pembangunan infrastruktur, perkhidmatan dan aplikasi TMK bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk mentransformasikan Kerajaan Negeri Selangor ke arah *#SmartSelangor*. Peranan TMK juga berkembang dalam menyediakan akses perkhidmatan digital secara saksama dan mampan kepada rakyat.

Melalui PSTM 2016-2020 dengan diterajui oleh Bahagian Teknologi Maklumat, saya amat berharap agar projek-projek TMK yang telah dirancang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di samping memberi penyampaian perkhidmatan TMK yang terbaik untuk rakyat Negeri Selangor.

Sekian. Terima Kasih

..............................................................

**Dato' Mazalan Bin Md Noor**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

# KATA ALUAN

## SETIAUSAHA BAHAGIAN
## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



**Puan Fazlina Binti Hashim**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) bagi tempoh 2016-2020.

Penyediaan dokumen PSTM Pejabat SUK Negeri Selangor 2016-2020 ini dilihat sebagai satu inisiatif dalam melaksanakan agenda kerajaan negeri ke arah merealisasikan aspirasi *#SmartSelangor*. Penglibatan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan di Negeri Selangor adalah bertujuan untuk memastikan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Selangor berperanan sebagai peneraju utama dalam pelaksanaan *#SmartSelangor*.

Ekspektasi, cabaran dan implikasi dalam menjayakan agenda *#SmartSelangor* ini memerlukan dasar, strategi dan perancangan yang mantap. Sehubungan dengan itu, pelbagai program Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah direncanakan melalui PSTM 2016-2020 bagi membantu Kerajaan Negeri mencapai misinya.

PSTM 2016-2020 ini mengandungi strategi dan inisiatif serta program kerja yang diharap dapat memberi impak kepada semua *stakeholders*. Adalah diharapkan pelan ini menjadi petunjuk dan juga hala tuju kepada warga SUK dalam melaksanakan program yang telah dirancang bagi mencapai matlamat organisasi dan secara langsungnya membantu merealisasikan hasrat kerajaan mencapai taraf *Smart State*.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar semua warga BTM dapat mengaplikasikan penggunaan TMK secara kreatif dan inovatif bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan memenuhi ekspektasi semua pihak.

Sekian. Terima Kasih.

..............................................................

**Puan Fazlina Binti Hashim**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat

# PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Y.Bhg. Dato' Mazalan Bin Md Noor dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Y.Bhg Dato' Nor Azmie Bin Diron di atas sokongan, maklum balas dan nasihat yang telah diberikan sepanjang projek membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2016-2020 ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat, Puan Fazlina Bt. Hashim; Ketua Penolong Setiausaha, Puan Ruzaidah Bt. Mansor; Penolong Setiausaha, Puan Nor Azian Bt. Ahmad; serta pasukan kerja PSTM Puan Norashikin Bt. Abu Bakar, Puan Nur Hidayah Han Bt. Amer Rudin, En. Ruhaizat Bin Daud, En. Nor Ikmal Halimi Bin Morsit, dan semua kakitangan di Bahagian Teknologi Maklumat di atas kesabaran, kesungguhan dan komitmen yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan pembangunan PSTM 2016-2020 ini.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada barisan pegawai-pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, pegawai-pegawai dari Jabatan and Agensi Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor di atas kesudian meluangkan masa untuk bersama-sama berbincang dan menyumbangkan buah fikiran bagi menjayakan PSTM 2016-2020.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyediakan PSTM 2016-2020. Semoga PSTM 2016-2020 dapat dijadikan rujukan dalam perancangan dan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan Agenda #SmartSelangor.

## TERMINOLOGI

ANSI – American National Standards Institute

BPA – Biro Pengaduan Awam

BPSM – Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

BTM – Bahagian Teknologi Maklumat

CoE – Pusat Kecemerlangan negeri Selangor

CS – Core Switch

DC – Data Centre

DNS – Domain Name Server

DRC – Disaster Recovery Centre

DYMM – Duli Yang Maha Mulia

EAI – Enterprise Application Integration

EIA – Environment Impact Assessment

GIS – Geographic Information System

ICT – Information and Communications Technology

IKS – Industri Kecil & Sederhana

IOT – Internet of Things

IPT – Institusi Pengajian Tinggi

IP – Internet Protocol

ISMS – Information Security Management System

Jab. – Jabatan

JPA – Jabatan Perkhidmatan Awam

JPBD – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

JPS – Jabatan Pengairan dan Saliran

JAIS – Jabatan Agama Islam Selangor

JLNS – Jalur Lebar Negeri Selangor

JT – Jabatan Teknikal

KPI – Key Performance Indicators

KPKT – Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

LAN – Local Area Network

LMS – Learning Management System (Sistem Pengurusan Pembelajaran)

LCMS – Learning Content Management System (Sistem Pengurusan Kandungan Pembelajaran)

MAIS – Majlis Agama Islam Selangor

MAMPU – Modernisation and Management Planning Unit

MBI – Menteri Besar Incorporation

MBSA – Majlis Bandaraya Shah Alam

MBPJ – Majlis Bandaraya Petaling Jaya

MDKS – Majlis Daerah Kuala Selangor

MDSB – Majlis Daerah Sabak Bernam

MDHS – Majlis Daerah Hulu Selangor

MDKL – Majlis Daerah Kuala Langat

MES – Merakyatkan Ekonomi Selangor

MTES – Majlis Tindakan Ekonomi Selangor

MMKN – Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

MPSJ – Majlis Perbandaran Subang Jaya

MPKj – Majlis Perbandaran Kajang

MPS – Majlis Perbandaran Selayang

MPK – Majlis Perbandaran Klang

MPAJ – Majlis Perbandaran Ampang Jaya

MPSp – Majlis Perbandaran Sepang

OSC – One Stop Center

PADAT – Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor

PCP – Public Citizen Partnership

PPAS – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor

PBT – Pihak Berkuasa Tempatan

PD – Pembuat Dasar

PDNS – Pemulihan Data Negeri Selangor

PDT – Pejabat Daerah/Tanah

PKNS – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

PPDNS – Pusat Pemulihan Data Negeri Selangor

PSTM – Pelan Strategik Teknologi Maklumat

PTD – Pejabat Tanah Daerah

PWN – Perbendaharaan Negeri Selangor

R&D – Research & Development

SADP – Smart App Development Platform

SFTB – Spectrum Fiber to Business

SFTH – Spectrum Fiber to Home

SGPS – Satu Gerbang Pembayaran Selangor

SISPAA– Sistem Pengurusan Aduan Awam

SOP – Standard Operation Procedure

SPB – Sistem Perolehan Bersepadu

SPHT – Sistem Pungutan Hasil Tanah

SPPT – Sistem Pemantauan Projek TMK

SPTB – Sistem Pengurusan Tanah Berkomputer

SPEKS – Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri

SPP – Sistem Pengurusan Pengetahuan

SSO – Single Sign-On

SSAS – Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

STAR – Sistem Talian Aduan Rakyat

STI – Sains Teknologi dan Inovasi

SUK – Setiausaha Kerajaan

SW – Switch

SYABAS – Syarikat Bekalan Air Selangor

TMK – Teknologi Maklumat dan Komunikasi

TNA – Analisis Keperluan Latihan

TSUK – Timbalan Setiausaha Kerajaan

UPEN – Unit Perancang Ekonomi Negeri

VPN – Virtual Private Network

YAWAS – Yayasan Warisan Anak Selangor

YAB – Yang Amat Berhormat

YB –Yang Berhormat

YDP – Yang Di Pertua



# 01
# PENGENALAN

**PENGENALAN**

Pelan Strategi Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2016-2020 (PSTM Selangor 2016-2020) merupakan satu *blueprint* atau rangka kerja garis panduan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat (TMK) yang disediakan selaras dengan hasrat kerajaan negeri Selangor menjadi negeri pintar terbaik di Malaysia.

PSTM berperanan dalam mengenal pasti inisiatif-inisiatif strategik, yang disokong oleh sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus TMK di Pejabat SUK Selangor. Pada tahun 2011, SUK Selangor telah membangunkan PSTM bagi perancangan dan pelaksanaan projek - projek TMK bagi tahun 2011 sehingga 2015. Pelan ini telah digunakan secara menyeluruh dalam perancangan dan pelaksanaan sepanjang tempoh tersebut sehingga tahun 2015. BTM Negeri Selangor berhasrat untuk mengemas kini dokumen ini setiap lima (5) tahun sebagai rangka kerja dalam membangunkan perancangan tahunan secara lebih terperinci untuk mencapai visi, misi dan objektif BTM.

## VISI, MISI, TERAS STRATEGIK, & MOTO PSTM 2016-2020

PSTM 2016-2020 diringkaskan seperti di dalam Gambar Rajah 1.1. PSTM 2016-2020 menyokong visi, misi, dan hala tuju Pejabat SUK Selangor yang baru melalui penjajaran dengan lima (5) Teras Strategik.




**Gambar Rajah 1.1**: Visi, Misi, Teras Strategik dan Moto PSTM 2016 - 2020

## OBJEKTIF PEJABAT SUK SELANGOR, BTM, & PSTM 2016-2020

Objektif penyediaan PSTM 2016-2020 adalah selaras dengan objektif Pejabat SUK Selangor dan BTM.

### PEJABAT SUK SELANGOR

1. Mengoptimumkan pengurusan ekonomi secara komprehensif untuk kesejahteraan rakyat
2. Menyelaras perancangan dan pembangunan infrastruktur fizikal dan kemudahan awam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat
3. Meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri
4. Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memberikan perkhidmatan terbaik
5. Perancangan pembangunan

### BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. Menentukan hala tuju strategik pembangunan TMK Negeri Selangor
2. Membangunkan reka bentuk teknikal bagi menentukan pelaksanaan TMK selari dengan hala tuju strategik Pejabat TMK Negeri Selangor
3. Menyediakan pelan tindakan dengan menentukan strategi dan tindakan pelaksanaan yang perlu diambil
4. Mengenal pasti piawaian, prosedur dan garis panduan bagi melaksanakan projek-projek TMK Pejabat SUK Negeri Selangor

### PSTM 2016-2020

1. Menilai keperluan pengintegrasian data dan aplikasi Negeri Selangor
2. Menaik taraf TMK terkini di Negeri Selangor
3. Mengenalpasti elemen-elemen penting yang diperlukan bagi membentuk Pentadbiran Pintar ke arah #SmartSelangor berfokus kepada *Smart Governance*
4. Pembentukan elemen - elemen penting yang diperlukan bagi pengoperasian sistem data raya yang menyeluruh serta bersedia untuk berintegrasi dengan teknologi 'IoT'

**Gambar Rajah 1.2:** Objektif Pejabat SUK Selangor, BTM dan PSTM 2016-2020

## STRATEGI PENGUKUHAN DI PERINGKAT PDT, PBT, SUK DAN BADAN BERKANUN

Berikut merupakan 3 peringkat pengukuhan berdasarkan hasil kaji selidik bersama organisasi.




**Gambar Rajah 1.3:** Strategi pengukuhan di peringkat PDT, PBT, SUK dan Badan Berkanun

## AGENSI TERLIBAT

Penyediaan PSTM ini melibatkan jabatan-jabatan kerajaan negeri, badan berkanun negeri, pejabat daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan. Bilangan agensi yang terlibat adalah sebanyak 35 agensi yang membabitkan sebanyak 46 jabatan atau unit. Agensi yang terlibat adalah seperti dalam Gambar Rajah 1.4.




**Gambar Rajah 1.4:** Agensi yang terlibat dalam penyediaan PSTM 2016-2020

## *STAKEHOLDER* DAN PELANGGAN

Gambar Rajah 1.5 menunjukkan hubungan di antara *stakeholder* dan juga pelanggan. *Stakeholder* yang terlibat adalah dikalangan pihak atasan seperti DYMM Sultan Selangor, Menteri Besar, Exco dan lain-lain. Manakala, pelanggan adalah dikalangan rakyat, agensi swasta, badan bukan kerajaan dan lain-lain.




**Gambar Rajah 1.5:** Stakeholder dan Pelanggan

**SKOP PROJEK PSTM 2016-2020**

Skop kajian projek PSTM 2016-2020 merangkumi bidang tugas seperti dalam Gambar Rajah 1.6:

01 Mengkaji pencapaian PSTM - Pertama (2003-2015) dan PSTM Kedua (2011-2015) yang telah/sedang dilaksanakan oleh Pejabat SUK Selangor dan *outcome*

02 Mewujudkan hala tuju atau rangka kerja TMK bagi Pejabat SUK Negeri Selangor dan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan/Agensi Negeri Selangor selaras dengan visi, misi dan objektif SUK Selangor serta agenda *#SmartSelangor* yang peduli

03 Mengkaji semula keadaan persekitaran bisnes dan persekitaran semasa TMK (Teknologi Maklumat Dan Komunikasi) serta potensi hala tuju Kerajaan Negeri menuju kearah *#SmartSelangor*

04 Mengenal pasti *key areas* dan dasar strategi SUK Selangor di dalam *core business* Pejabat SUK Selangor dan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan/Agensi Negeri Selangor di bawahnya bagi pelaksanaan TMK

05 Mengenal pasti inisiatif strategik baharu selaras dengan teknologi yang menuju kearah *#SmartSelangor*

06 Mengenal pasti *critical success factors* dalam pelaksanaan projek-projek TMK

07 Mengenal pasti bidang-bidang kritikal yang memerlukan pelaksanaan projek-projek TMK

08 Mencadangkan penambahbaikan dan pembaharuan bagi projek yang telah dilaksanakan

**09** Mencadangkan projek-projek TMK baharu dan berteknologi terkini yang perlu dilaksanakan oleh Pejabat SUK Selangor

**10** Membina piawaian, prosedur dan garis panduan bagi menyokong cadangan pelan strategik TMK

**11** Membangunkan pelan pelaksanaan berserta dengan kos yang terlibat bagi pembangunan TMK Negeri Selangor

**12** Mengenal pasti dan menentukan peluang-peluang pelaksanaan program TMK dan merumuskan *Master Plan* serta keperluan peruntukan kewangan untuk menyokong penyediaan perkhidmatan TMK bagi tahun 2016-2020

**13** Menyediakan hala tuju dan strategi pelaksanaan TMK dari segi pembangunan sistem aplikasi, seni bina teknologi, pembangunan sistem rangkaian dan keselamatan bagi menggalakkan perkongsian sumber, data dan sistem

**14** Merumuskan standard, prosedur dan garis panduan yang boleh diguna pakai untuk menyokong pelan strategi maklumat yang dicadangkan

**15** Mencadangkan program-program untuk pembangunan kemahiran Modal Insan personel TMK bagi memastikan kesinambungan kepada pengoperasian dan pelaksanaan projek-projek TMK

**16** Mencadangkan program-program pembangunan kemahiran TMK di bawah Jawantankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor

**Gambar Rajah 1.6**: Skop Projek PSTM 2016-2020

“**SELANGOR** is set to become a “**Smart State**” by 2025 with the state government giving priority to developing **effective technology infrastructure** to improve the quality of life of Selangor folk.”

**- YAB Dato’ Seri Azmin Mohamed Ali -**

# 02
# METODOLOGI

## METODOLOGI PENDEKATAN KAJIAN

Metodologi pendekatan kajian bagi laporan PSTM 2016-2020 adalah seperti dalam Gambar Rajah 2.1. Ia menunjukkan setiap laporan yang disediakan melalui diskusi panel yang telah dijalankan berdasarkan kepada hasil tinjauan dokumen dan infrastruktur, temubual dan kaji selidik keperluan.




**Gambar Rajah 2.1**: Metodologi Pendekatan kajian

## ORGANISASI YANG TERLIBAT DALAM TINJAUAN DOKUMEN




**Gambar Rajah 2.2:** Senarai Organisasi yang terlibat dalam Tinjauan Dokumen

## TABURAN RESPONDEN KAJIAN TEMUBUAL




**Gambar Rajah 2.3**: Responden Kajian Temubual

## ORGANISASI YANG TERLIBAT DALAM KAJI SELIDIK KEPERLUAN

**KAJI SELIDIK**

| | ORGANISASI | RAKYAT |
|---|---|---|
| **PBT** | • MBSA<br>• MBPJ<br>• MPSJ<br>• MPS<br>• MPK<br>• MPAJ<br>• MPKj<br>• MPSp<br>• MDKS<br>• MDSB<br>• MDHS<br>• MDKL | • MBPJ<br>• MPSJ<br>• MPS<br>• MPK<br>• MPAJ<br>• MPKj |
| **PDT** | • PDT Petaling<br>• PDT Klang<br>• PDT Gombak<br>• PDT Hulu Langat<br>• PDT Sepang<br>• PDT Kuala Langat<br>• PDT Kuala Selangor<br>• PDT Hulu Selangor<br>• PDT Sabak Bernam | • PDT Klang<br>• PDT Gombak<br>• PDT Hulu Langat |
| **Pejabat SUK Selangor** | • Bahagian Khidmat Pengurusan<br>• Seksyen Agihan dan Pembangunan<br>• Seksyen Sektoral<br>• Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Pengurusan Sumber Manusia<br>• Dewan Undangan Negeri<br>• Korporat | • Seksyen Sektoral<br>• Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan |
| **Jabatan Kerajaan Negeri** | • Perbendaharaan Negeri Selangor<br>• Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)<br>• Jabatan Mufti<br>• Pejabat Tanah Galian Selangor<br>• Pusat Latihan Awam Selangor<br>• Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor<br>• PLANMalaysia | Tidak Berkaitan |
| **Perbadanan Negeri** | • Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)<br>• Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)<br>• Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)<br>• Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)<br>• Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS) | Tidak Berkaitan |
| **Bahagian Teknologi Maklumat SUK** | • Pasukan Aplikasi dan Pangkalan Data<br>- Unit Pembangunan Aplikasi 1<br>- Unit Pembangunan Aplikasi 2<br>- Unit Web<br>• Pasukan Infrastruktur & Keselamatan TMK<br>- Unit Operasi<br>- Unit Kualiti dan Strategik<br>- Unit Keselamatan dan Rangkaian<br>• Pasukan Pembudayaan & Pengurusan Perubahan TMK<br>- Unit Kualiti<br>- Unit Web | Tidak Berkaitan |

**Gambar Rajah 2.4**: Senarai Organisasi yang terlibat dalam Kaji Selidik Keperluan

# 03
# ANALISIS PENEMUAN

## HASRAT PEMBUAT DASAR DAN PEGAWAI TERTINGGI SUK NEGERI SELANGOR SELARI DENGAN KEHENDAK RAKYAT




**Gambar Rajah 3.1:** Hasrat Pembuat Dasar dan Pegawai Tertinggi SUK

## CABARAN PELAKSANAAN PSTM 2016-2020




**Gambar Rajah 3.2:** Cabaran Pelaksanaan PSTM 2016-2020

**Sistem - sistem sediaada yang berasingan dan tiada**
**Contoh: Sistem Pengurusan Tanah**

Sistem sistem dalam persekitaran kerja agensi dan perkaitan

| Perkhidmatan Kerajaan / **Persekitaran Kerja Agensi Terlibat** | Kewangan | Pembangunan Tanah | Kerajaan Tempatan | Pengurusan Sumber | Pelancongan | Hal Ehwal Pengguna | Perindustrian | Perdagangan | Industri Kecil & |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pembayaran Bil atas talian | | | | | | | | | |
| Pemberitahuan atau pengumuman | | | | | | | | | |
| Permohonan Bantuan dan Program (cth: MES) | | | | | | | | | |
| Penglibatan komuniti dan maklumbalas (aduan) | | | | | | | | | |
| Penguatkuasaan dasar, polisi dan perundangan | | | | | | | | | |
| Pengurusan Tanah | | | | | | | | | |
| Perancangan dan kawalan pembangunan | | | | | | | | | |
| Pengurusan Trafik dan Pengangkutan | | | | | | | | | |
| Pengurusan bencana (banjir, kebakaran dsbnya) | | | | | | | | | |
| Pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam | | | | | | | | | |
| Pembangunan manusia (wanita dan luar bandar) | | | | | | | | | |
| Pendidikan dan Inovasi | | | | | | | | | |
| Keagamaan dan sosial | | | | | | | | | |

## Integrasi

Gerbang Tunggal TMK (Pembayaran, Aduan, Permohonan berkaitan agensi)

Pengintegrasian guna sama data antara agensi dan pengukuhan keselamatan siber

## Analisa

**Kecekapan takbir urus kerajaan**

- Penilaian terhadap akauntabiliti kerajaan melalui maklumbalas rakyat dan swasta.
- Penilaian terhadap pencapaian pelaburan dan kecekapan ekonomi.
- Pemantauan terhadap pengurusan sumber kewangan seperti memperkenalkan e-procurement untuk mencegah salah guna sumber kewangan.
- Menyediakan statistik berkaitan dengan prestasi ekonomi seperti pelaburan dan ketirisan.

**Perkhidmatan Pengurusan Bandar dan luar bandar**

- Menilai dan memantau tahap perkhidmatan dan pengurusan bandar seperti pengurusan sampah, pengurusan air, pengangkutan awam dan jalanraya.
- Menilai dan memantau pengurusan kemudahan awam seperti balai raya, perpustakaan, padang permainan dan sebagainya.
- Penyediaan data secara analitik untuk meramal keberkesanan dan penambahbaikan program sediaada.

pengintegrasian antara agensi kerajaan negeri
Berkomputer (SPTB), SPHT, e-bayaran

dengan perkhidmatan kerajaan




Data

Proses analitik melalui pelaksanaan data raya dan IoT

Pembangunan dan pengukuhan modal Insan yang professional dan berkeupayaan

Kecekapan program ekonomi dan bantuan program

- Menilai dan memantau keberkesanan program-program ekonomi yang diberi oleh kerajaan negeri seperti bantuan MES.
- Penyediaan data secara analitik untuk meramal keberkesanan dan penambahbaikan program sediaada.

Perancangan dan kawalan pembangunan

- Memantau kegunaan gunatanah selaras dengan pelan pembangunan melalui pengintegrasian data GIS.
- Merancang pembangunan untuk meningkatkan sumber pendapatan kepada kerajaan negeri.
- Penyediaan data secara analitik untuk meramal keberkesanan dan penambahbaikan program sediaada.

**Gambar Rajah 3.3:** Sistem-sistem sedia ada yang tiada pengintegrasian


RANGKA KERJA TADBIR URUS
KEWANGAN, PEMBANGUNAN TANAH & PENGURUSAN SUMBER ALAM
PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, TEKNOLOGI HIJAU DAN HAL EHWAL PENGGUNA
KERAJAAN TEMPATAN, PEMUTIHAN KILANG HARAM DAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN KEHIDUPAN BANDAR
PELABURAN, PERINDUSTRIAN & PERDAGANGAN, INDUSTRI KECIL & SEDERHANA (IKS) DAN PENGANGKUTAN
KESIHATAN, KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA
GENERASI MUDA & SUKAN, KEBUDAYAAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
KEPERLUAN DAN KEHENDAK RAKYAT DAN STAKEHOLDERS PSTM 2016-2020
Hebahan
Hebahan dan pemantauan terhadap dasar dasar,
Keperluan Kemungkinan: Perkongsian Data, Pusat Data,
Capaian maklumat dan servis oleh rakyat dan agensi swasta
Satu Gerbang untuk Pembayaran, Aduan, Permohonan dan capaian maklumat (teknikal)
Keperluan Kemungkinan: "One Gateway dan pelaksanaan big data
Pembayaran berpusat
Pembayaran melalui online ke PBT, Pejabat Daerah dan Tanah serta lain-lain
Permohonan
• Program MES
• Pendaftaran Rumah Selangorku
• Dan lain-lain
Aduan
• Aduan dalam portal PBT, Pejabat Daerah, Jabatan Teknikal dan lain-lain Jabatan
Rakyat




**Gambar Rajah 3.4:** Rangka kerja tadbir urus TMK negeri Selangor

“It has become appallingly obvious that our **technology** has exceeded our **humanity**.”

- **Albert Einstein (Scientist)**

# 04

# PELAN PELAKSANAAN PSTM 2016 - 2020

## ASAS CADANGAN PSTM 2016-2020

**01** MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KOMITED

**02** MEMPERKEMASKAN APLIKASI SEDIA ADA DAN CADANGAN KE ARAH "PENGINTEGRASIAN YANG MENYELURUH" UNTUK MEMUDAHKAN CAPAIAN PENGGUNA BAGI CAPAIAN INFORMASI, MAKLUMBALAS ADUAN, PEMBAYARAN DAN SEBAGAINYA.

**03** BEKERJASAMA DENGAN LAIN-LAIN AGENSI DI PERINGKAT NEGERI SELANGOR UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK BERIMPAK BESAR

**04** MENGGUNAPAKAI APLIKASI DAN SISTEM SEDIA ADA MELALUI PENDEKATAN "SMART PARTNERSHIP"




**Gambar Rajah 4.1**: Asas Cadangan PSTM 2016-2020

## KONSEP CADANGAN PSTM 2016-2020






**Gambar Rajah 4.2**: Konsep Cadangan PSTM 2016-2020

## PENJAJARAN TERAS, STRATEGI, DAN PROJEK

### TERAS 1

**Memperkasa sumber manusia bagi membentuk tenaga kerja mahir**

**STRATEGI**

1. Mengoptimumkan kepakaran sumber manusia dalam membentuk tenaga kerja yang kompetitif.
2. Membangunkan pusat kajian & penyelidikan berkaitan STI bagi memantapkan urus tadbir

**7 PROJEK**

### TERAS 2

**Memperkasa pembangunan ekosistem TMK yang menyeluruh bagi menyokong #SmartSelangor**

**STRATEGI**

1. Memperkukuhkan pembangunan ekosistem TMK negeri pintar yang komprehensif.
2. Meningkatkan kapasiti dan meluaskan jaringan internet di Negeri Selangor bagi melahirkan generasi berinformasi.
3. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan canggih untuk menarik pelabur-pelabur.
4. Menaik taraf tahap keselamatan secara menyeluruh

**20 PROJEK**

## TERAS 3

**Tadbir urus yang responsif dan efektif ke arah pembuatan keputusan strategik**

**STRATEGI**

1. Meminimumkan birokrasi dengan pengintegrasian TMK secara menyeluruh antara agensi.
2. Memacu teknologi analitik data raya dan IOT ke arah pembuatan keputusan strategik.
3. Tadbir urus yang efektif bagi mengoptimumkan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri serta meningkatkan kepuasan pelanggan

**19 PROJEK**

## TERAS 4

**Memantapkan proses kerja disemua peringkat kerajaan negeri ke arah pengintegrasian sistem yang menyeluruh**

**STRATEGI**

1. Pengintegrasian menyeluruh dengan sistem sedia ada disetiap agensi.
2. Menyediakan prasarana TMK yang komprehensif.
3. Menubuhkan pusat kecemerlangan bagi gunasama sumber dan perkongsian pengetahuan.

**12 PROJEK**

## TERAS 5

**Memperkasa pertumbuhan ekonomi melalui gerbang TMK negeri Selangor**

**STRATEGI**

1. Mewujudkan gerbang tunggal TMK untuk meningkatkan kecemerlangan ekonomi dan urus tadbir negeri.

**4 PROJEK**

**Gambar Rajah 4.3:** Penjajaran Teras, Strategi, & Projek

## CADANGAN PELAN TINDAKAN

Pelan pelaksaan PSTM 2016-2020 adalah berdasarkan hasil kajian yang telah dianalisis. Setiap pelan pelaksaan adalah mengikut fasa yang telah ditentukan.

**Jadual 4.1:** Perhubungan antara Teras 1, Strategi, Program, dan Projek

**T1 MEMPERKASA SUMBER MANUSIA BAGI MEMBENTUK TENAGA KERJA MAHIR**

| STRATEGI | PROGRAM | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. Mengoptimumkan kepakaran sumber manusia dalam membentuk tenaga kerja yang kompetitif | 1. Analisis Keperluan Latihan (TNA) | 1.1-1: Pembangunan Pelan Latihan TMK yang khusus bagi semua peringkat warga SUK dan PDT<br>1.1-2: Sistem Profail Psikologi |
| | 2. Kursus Teknikal TMK | 1.2-1: Latihan Teknikal dan Professional |
| | 3. Menaik taraf Struktur BTM | 1.3-1: Menaik taraf struktur organisasi BTM |
| 2. Membangunkan pusat kajian & penyelidikan berkaitan STI bagi memantapkan urus tadbir | 1. Kolaborasi Strategik STI Selangor | 2.1-1: Kolaborasi penyelidikan dengan Pusat Penyelidikan, IPT dan industri |
| | 2. Kerjasama Pembangunan dan Penyelidikan STI | 2.2-1: Pembudayaan STI<br>2.2-2: Projek Penyelidikan & Pembangunan STI |

**Jadual 4.2:** Perhubungan antara Teras 2, Strategi, Program, dan Projek

**T2 MEMPERKASA PEMBANGUNAN EKOSISTEM TMK YANG MENYELURUH BAGI MENYOKONG #SMARTSELANGOR**

| STRATEGI | PROGRAM | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. Memperkukuhkan pembangunan ekosistem TMK negeri pintar yang komprehensif | 1. Jalur Lebar Negeri Selangor (JLNS) | 1.1-1:<br>Projek Peningkatan Prasarana Rangkaian Negeri Selangor di PDT, PBT, Agensi Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.<br>2.1-2:<br>Projek Media *Digital* |
| | 2. Pemusatan Pembekalan Aset TMK | 1.2-1:<br>Perolehan Aset TMK |
| | 3. Memantapkan Rangkaian Tempatan dan Keselamatan di SUK dan PDT | 1.3-1:<br>Menaik taraf fiber dan peralatan rangkaian di bangunan SUK<br>1.3-2:<br>Menaik taraf rangkaian fiber di Pejabat Dewan Annex<br>1.3-3:<br>Perkhidmatan rangkaian *Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN)* Bangunan SSAS & 9 PDT<br>1.3-4:<br>Menaik taraf Rangkaian Tempatan (LAN) di PDT<br>1.3-5:<br>Menaik taraf *Active Directory*<br>1.3-6:<br>Pengukuhan dan pemantapan WiFi di bangunan SSASS<br>1.3-7:<br>Menaik taraf DNS dan *Web Filter*<br>1.3-8:<br>Mengukuhkan rangkaian dengan penyediaan *Backup Line*.<br>1.3-9:<br>Penaiktarafan Selangor *Unified Communication* |

| | | |
|---|---|---|
| 2. Meningkatkan kapasiti dan meluaskan jaringan internet di Negeri Selangor bagi melahirkan generasi berinformasi | 1. Menyediakan Jalur Lebar ke Rumah (*Fiber to Home)* | 2.1-1:<br>Kajian pembangunan Jalur Lebar ke Rumah (*Fiber to Home)* |
| 3. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan canggih untuk menarik pelabur-pelabur | 1. Perkhidmatan Jalur Lebar ke Premis (*Fiber to Business)* | 3.1-1:<br>Kajian pembangunan Jalur Lebar ke Premis Perniagaan (*Fiber to Business)* |
| 4. Menaik taraf tahap keselamatan TMK secara menyeluruh | 1. Polisi Keselamatan TMK | 4.1-1:<br>Mengeluarkan arahan-arahan berkaitan keselamatan TMK<br>4.1-2:<br>Polisi Keselamatan Maklumat Digital dan Media Sosial<br>4.1-3:<br>Penyemakan dasar keselamatan berdasarkan persekitaran Negeri Selangor<br>4.1-4:<br>Pengukuhan dan Pematuhan Pensijilan Keselamatan Maklumat (ISMS)<br>4.1-5:<br>*Data Centre Monitoring System*<br>4.1-6:<br>Kajian dan pelaksanaan Sistem Pencegahan Kebocoran Maklumat (*Information Leakage Protection and Prevention Framework)* |

**Jadual 4.3:** Perhubungan antara Teras 3, Strategi, Program, dan Projek

## T3 TADBIR URUS YANG RESPONSIF DAN EFEKTIF KE ARAH PEMBUATAN KEPUTUSAN STRATEGIK

| STRATEGI | PROGRAM | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. Meminimumkan birokrasi dengan pengintegrasian TMK secara menyeluruh antara agensi | 1. *Standard Operation Procedure* (SOP) perkongsian data | 1.1-1: Menyediakan garis panduan dan SOP perkongsian data |
| 2. Memacu teknologi analitik data raya dan IOT ke arah pembuatan keputusan strategik | 1. Pusat Data Raya Selangor | 2.1-1: Kajian dan pembangunan projek rintis analitik Data Raya (*Big data*) dan *Internet of Things* (*IOT*) |
| 3. Tadbir urus yang efektif bagi mengoptimumkan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri serta meningkatkan kepuasan pelanggan | 1. Pengukuhan dan Pemantapan Sistem Tadbir Urus dan Pengurusan Dokumen | 3.1-1: Sistem MMKN dan MTES<br>3.1-2: Pembangunan aplikasi *Mobile* Selangor<br>3.1-3: Sistem MyMesyuarat<br>3.1-4: Sistem MyPrestasi<br>3.1-5: Sistem Permohonan Bantuan Kerajaan Negeri Selangor<br>3.1-6: Penambahbaikkan dan perluasan intranet SUK<br>3.1-7: Portal MySMS<br>3.1-8: Sistem Temujanji<br>3.1-9: Sistem Pinjaman Pelajaran<br>3.1-10: Sistem Bantuan Kesihatan<br>3.1-11: Sistem e-Sidang<br>3.1-12: Penambahbaikan dan perluasan Sistem Pemantauan Projek (*Smart Project*)<br>3.1-13: Menaik taraf Sistem *Tender Online* Selangor |

| | | |
|---|---|---|
| | 2. Pusat *Knowlegde Repository* | 3.2-1:<br>Sistem Pengurusan Pengetahuan |
| | 3. Satu Gerbang Aduan | 3.3-1:<br>Sistem Pengurusan Aduan Awam - SISPAA<br>3.3-2:<br>Sistem Pengurusan Aduan *#SmartSelangor* Bersepadu<br>3.3-3:<br>*Public Citizen Partnership (PCP)* |

**Jadual 4.4:** Perhubungan antara Teras 4, Strategi, Program, dan Projek

## T4 MEMANTAPKAN PROSES KERJA DI SEMUA PERINGKAT KERAJAAN NEGERI KE ARAH PENGINTEGRASIAN SISTEM YANG MENYELURUH

| STRATEGI | PROGRAM | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. Pengintegrasian menyeluruh dengan sistem sedia ada disetiap agensi | 1. *Smart Application Development Framework* | 1.1-1:<br>Kajian keperluan dan reka bentuk integrasi maklumat Negeri Selangor<br>1.1-2:<br>*#SmartSelangor Executive Dashboard*<br>1.1-3:<br>*Smart Application Development Platform (SADP)*<br>1.1-4:<br>Penambahbaikan dan penambahan Cukai Tanah |
| | 2. Pusat Kawalan dan Arahan Negeri Selangor | 1.2-1:<br>*Selangor Intelligent Operation Center*<br>1.2-2:<br>Sistem Pengurusan Bencana |
| 2. Menyediakan prasarana TMK yang komprehensif | 1. Pusat Data Selangor | 2.1-1:<br>Pusat Data Selangor<br>2.1-2:<br>Menaik taraf kapasiti storan pusat data<br>2.1-3:<br>PBT *Portal Hosting* Selangor |
| | 2. Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Negeri Selangor | 2.2-1:<br>Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Selangor |
| 3. Menubuhkan pusat kecemerlangan bagi gunasama sumber dan perkongsian pengetahuan | 1. Pembangunan Pusat Kecemerlangan Negeri Selangor (CoE Selangor) untuk Perancangan Pembangunan Strategik Negeri Selangor | 3.1-1:<br>Projek pengintegrasian *Geo-Smart* Selangor<br>3.1-2:<br>Pusat penyelidikan dan pembangunan Negeri Selangor |

**Jadual 4.5:** Perhubungan antara Teras 5, Strategi, Program, dan Projek

## T5 MEMPERKASA PERTUMBUHAN EKONOMI MELALUI GERBANG TMK NEGERI SELANGOR

| STRATEGI | PROGRAM | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. Mewujudkan gerbang tunggal TMK untuk meningkatkan kecemerlangan ekonomi dan urus tadbir negeri | 1. Gerbang Pembayaran Selangor (GPS) | 1.1-1;<br>*e-Payment Gateway*<br>1.1-2:<br>Kajian keperluan gerbang pembayaran tunggal |
| | 2. Menaik taraf Sistem Perolehan Negeri Selangor | 1.2-1:<br>Kajian Sistem Perolehan Negeri Selangor |
| | 3. Membangunkan Ekonomi Digital Negeri Selangor | 1.3-1:<br>Menyediakan perkhidmatan Ekonomi Digital Negeri Selangor |

## PROJEK CADANGAN PSTM 2016 – 2020

Projek Cadangan PSTM 2016-2020 terbahagi kepada 4 bahagian iaitu; projek quickwin, projek aplikasi, projek teknologi dan projek pengurusan dan pembangunan insan. Rujuk Jadual 4.6, 4.7, 4.8, dan 4.9 untuk senarai projek yang telah dicadangkan.

**Jadual 4.6:** Senarai cadangan projek quickwin

| **QUICKWIN** | |
|---|---|
| **1.** | Kajian keperluan dan reka bentuk integrasi maklumat Negeri Selangor |
| **2.** | Kajian dan pembangunan projek rintis analitik Data Raya (Big data) dan *Internet of Things* (IOT) |
| **3.** | Menaik taraf struktur organisasi BTM |
| **4.** | Projek Peningkatan Prasarana Rangkaian Negeri Selangor di PDT, PBT, Agensi Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri |
| **5.** | *Selangor Intelligent Operation Center* |
| **6.** | Sistem Pengurusan Aduan Awam – SISPAA |
| **7.** | Sistem Pengurusan Aduan *#SmartSelangor* Bersepadu |
| **8.** | Sistem Permohonan Bantuan Kerajaan Negeri Selangor |

**Jadual 4.7:** Senarai cadangan projek pengurusan dan pembangunan insan

| **PROJEK PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN INSAN** | |
|---|---|
| **A. Kajian Penyelidikan dan Pembangunan STI** | |
| **1.** | Projek Penyelidikan & Pembangunan STI |
| **2.** | Pusat penyelidikan dan pembangunan Negeri Selangor |
| **B. Garis Panduan** | |
| **3.** | Mengeluarkan arahan-arahan berkaitan keselamatan TMK |
| **4.** | Polisi Keselamatan Maklumat Digital dan Media Sosial |
| **5.** | Penyemakan dasar keselamatan berdasarkan persekitaran Negeri Selangor |
| **6.** | Menyediakan garis panduan dan SOP perkongsian data |
| **7.** | Pengukuhan dan Pematuhan Pensijilan Keselamatan Maklumat (ISMS) |
| **C. Latihan Komputer** | |
| **8.** | Pembangunan Pelan Latihan TMK yang khusus bagi semua peringkat warga SUK dan PDT |
| **9.** | Latihan Teknikal dan Professional |
| **D. Pembudayaan STI** | |
| **10.** | Pembudayaan STI |
| **E. Kolaborasi** | |
| **11.** | Kolaborasi penyelidikan dengan Pusat Penyelidikan, IPT dan industri |

**Jadual 4.8:** Senarai cadangan projek aplikasi

| **PROJEK APLIKASI** | |
|---|---|
| **A. Kajian Aplikasi** | |
| **1.** | Kajian keperluan gerbang pembayaran tunggal |
| **2.** | Kajian Sistem Perolehan Negeri Selangor |
| **B. Pembangunan Aplikasi** | |
| **3.** | Sistem MyMesyuarat |
| **4.** | Sistem MyPrestasi |
| **5.** | Sistem Pengurusan Bencana |
| **6.** | Sistem Pengurusan Pengetahuan |
| **7.** | Sistem MMKN dan MTES |
| **8.** | *#SmartSelangor Executive Dashboard* |
| **9.** | Menyediakan Perkhidmatan Ekonomi Digital Negeri Selangor |
| **10.** | Sistem Profail Psikologi |
| **11.** | Pembangunan aplikasi *Mobile* Selangor |
| **12.** | Sistem Temujanji |
| **13.** | Sistem Pinjaman Pelajaran |
| **14.** | Sistem Bantuan Kesihatan |
| **15.** | Sistem e-Sidang |
| **16.** | *Public Citizen Partnership (PCP)* |
| **17.** | *Smart Application Development Platform (SADP)* |
| **18.** | *e-Payment Gateway* |
| **19.** | Projek pengintegrasian *Geo-Smart* Selangor |
| **20.** | Portal MySMS |
| **C. Penambahbaikan Aplikasi** | |
| **21.** | Penambahbaikan dan perluasan intranet SUK |
| **22.** | Penambahbaikan dan penambahan Cukai Tanah |
| **23.** | Penambahbaikan dan perluasan Sistem Pemantauan Projek *(Smart Project)* |
| **D. Menaik taraf Aplikasi** | |
| **24.** | Menaik taraf Sistem Tender *Online* Selangor |

**Jadual 4.9:** Senarai cadangan projek teknologi

| **PROJEK TEKNOLOGI** | |
|---|---|
| **A. Kajian** | |
| **1.** | Kajian pembangunan Jalur Lebar ke Rumah *(Fiber to Home)* |
| **2.** | Kajian pembangunan Jalur Lebar ke Premis Perniagaan *(Fiber to Business)* |
| **3.** | Kajian dan pelaksanaan Sistem Pencegahan Kebocoran Maklumat *(Information Leakage Protection and Prevention Framework)* |
| **B. Prasarana dan Perkhidmatan Rangkaian** | |
| **4.** | Penaiktarafan Selangor *Unified Communication* |
| **5.** | Perolehan Aset TMK |
| **6.** | Menaik taraf fiber dan peralatan rangkaian di bangunan SUK |
| **7.** | Menaik taraf rangkaian fiber di Pejabat Dewan Annex |
| **8.** | Perkhidmatan rangkaian *Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN)* Bangunan SSAS & 9 PDT |
| **9.** | Menaik taraf Rangkaian Tempatan (LAN) di PDT |
| **10.** | Menaik taraf *Active Directory* |
| **11.** | Pengukuhan dan pemantapan WiFi di bangunan SSASS |
| **12.** | Menaik taraf *DNS* dan *Web Filter* |
| **13.** | Mengukuhkan rangkaian dengan penyediaan *Backup Line* |
| **14.** | Projek Media Digital |
| **C. Pusat Data** | |
| **15.** | Pusat Data Selangor |
| **16.** | Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Selangor |
| **17.** | *Data Centre Monitoring System* |
| **18.** | Menaik taraf kapasiti storan pusat data |
| **19.** | *PBT Portal Hosting Selangor* |

## INTEGRASI SECARA MENYELURUH






**Gambar Rajah 4.4:** Integrasi secara menyeluruh

# 05
# PENUTUP

## PENUTUP

Pembangunan PSTM 2016-2020 berasaskan kepada lima (5) teras yang mencakupi aspek pembangunan manusia, infrastruktur, aplikasi dan ekonomi.

- PSTM ini disediakan hasil input dari pelbagai agensi kerajaan negeri Selangor yang menekankan elemen **PENGINTEGRASIAN, DATA RAYA, IoT** dan **PENINGKATAN JALUR LEBAR** merupakan faktor kejayaan kritikal ke arah menjayakan Smart Governance dan *#SmartSelangor*.

- Kehendak rakyat, swasta dan pelabur diterjemahkan dalam 62 Projek Cadangan PSTM 2016-2020.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR,
TINGKAT 2, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN